



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
BAHAGIAN PERKHIDMATAN  
Aras 6-7, Blok C2, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Pemenang Anugerah Kualiti  
Perdana Menteri 2004  
Pemenang Anugerah Perdana  
Teknologi Maklumat 2006



Tel. : 03-88853000/88854000  
Faks : 03-88892205/2204/2202  
Web : <http://www.jpa.gov.my>

Ruj. Kami : JPA(S)NP.134/1KLT.16/S.K( 3 )  
Tarikh : 24 MAC 2008

**Y. Bhg. Dato' Sri Dr. Hj. Mohd Nasir bin Mohd Ashraf**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 13, Blok E6, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62590 PUTRAJAYA**

**Y. Bhg. Datuk Suboh bin Mohd. Yassin**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar  
Aras 17, Wisma Sumber Asli, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62574 PUTRAJAYA**

**Y. Bhg. Dato' Abu Bakar bin Haji Abdullah**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pertahanan Malaysia  
Wisma Pertahanan  
Jalan Padang Tembak  
**50634 KUALA LUMPUR**

**Y. Bhg. Dato' Abdul Hanan bin Alang Endut**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia  
Aras 7, Blok C5, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62662 PUTRAJAYA**

**Y. Bhg. Dato' Dr. Zulkifli bin Idris**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani  
Wisma Tani, Aras 15  
Lot 4G1, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62624 PUTRAJAYA**

Y. Bhg. Dato' Sri/ Datuk/ Dato',

## **PANDUAN KRITERIA PENILAIAN PENYELIDIKAN BAGI PEGAWAI PENYELIDIK**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Sukacita memaklumkan bahawa Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam dalam mesyuarat pada 28 Februari 2008 telah mengambil perhatian bahawa Pegawai Penyelidik adalah dinilai melalui pencapaian Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) dan pencapaian dalam bidang penyelidikan untuk pertimbangan kenaikan pangkat. Bagaimanapun, pada masa ini terdapat ketidakseragaman dari segi aspek, kriteria dan wajaran penilaian penyelidikan bagi Pegawai Penyelidik di jabatan dan agensi.

3. Sehubungan itu, Lembaga telah bersetuju supaya diadakan satu kaedah penilaian yang seragam untuk penilaian penyelidikan bagi Pegawai Penyelidik di jabatan dan agensi yang mempunyai skim perkhidmatan berkenaan. Wajaran Pemarkahan untuk urusan pemangkuhan dan kenaikan pangkat yang ditetapkan adalah **75%** penilaian LNPT dan **25%** penilaian penyelidikan. Kriteria Penilaian Penyelidikan Pegawai Penyelidik mengandungi empat aspek utama iaitu:

- (i) Penyelidikan dan Pembangunan;
- (ii) Penulisan/Laporan Teknikal;
- (iii) Perundingan dan Kepakaran; dan
- (iv) Sumbangan kepada jabatan/negara.

(Kriteria dan wajaran Penilaian Penyelidikan Pegawai Penyelidik bagi setiap aspek berkenaan dijelaskan dalam jadual di **Lampiran A.**)

4. Ketua Perkhidmatan bolehlah membuat penyesuaian yang sewajarnya terhadap kriteria-kriteria penilaian yang dicadangkan dengan mengambil kira bidang dan fokus penyelidikan utama jabatan dan agensi berkenaan.

5. Bagi memastikan penilaian yang objektif, telus dan adil, Penilaian Penyelidikan Pegawai Penyelidik hendaklah dinilai oleh Pegawai Penilai mengikut kesesuaian jabatan dan agensi. Di samping itu, satu Panel Penilaian Pegawai Penyelidik hendaklah ditubuhkan bagi meneliti, menyelaras dan mengesahkan penilaian yang dibuat. Cadangan Pegawai Penilai serta Keanggotaan Panel Penilaian adalah seperti di **Lampiran B**.

6. Semua Ketua Perkhidmatan hendaklah menggunakan pakai panduan Kriteria Penilaian Penyelidikan bagi Pegawai Penyelidik bagi urusan pemangkuhan atau kenaikan pangkat Pegawai Penyelidik di Kementerian dan Jabatan masing-masing selepas daripada tarikh surat ini.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DR. HAJI MOHD AZHAR BIN HAJI YAHAYA)**

Pengarah Bahagian Perkhidmatan  
b.p Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
**MALAYSIA**

**LAMPIRAN A**

**KRITERIA DAN WAJARAN PENILAIAN PENYELIDIKAN  
PEGAWAI PENYELIDIK**

<b>Bil</b>	<b>Aspek Penilaian</b>	<b>Kriteria Penilaian Ke Gred Q44 dan Q48</b>	<b>Markah (%)</b>	<b>Kriteria Penilaian Ke Gred Q52 dan Q54</b>	<b>Markah (%)</b>
A.	<b>Penyelidikan dan Pembangunan</b> (Aktiviti penyelidikan yang dijalankan secara saintifik dan ilmiah dan mengandungi unsur perancangan dan pembangunan penyelidikan yang berterusan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kajian Projek (bilangan/ impak/ saiz projek/ geran penyelidikan)</li> <li>• Ahli/Penyelia Projek Penyelidikan</li> <li>• Perancangan projek penyelidikan dan pembangunan</li> <li>• Penemuan inovasi dalam tempoh 5 tahun</li> <li>• Projek dipatenkan</li> <li>• Pengkomersialan</li> </ul>	10%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kajian Projek (bilangan/ impak/ saiz projek/ geran penyelidikan)</li> <li>• Penyelia/Ketua Projek Penyelidikan</li> <li>• Pengurusan projek penyelidikan dan pembangunan</li> <li>• Penemuan inovasi dalam tempoh 5 tahun</li> <li>• Projek dipatenkan</li> <li>• Pengkomersialan</li> </ul>	5%
B.	<b>Penulisan/ Laporan Teknikal</b> (Penulisan bahan-bahan penemuan penyelidikan berdasarkan kajian, penemuan yang saintifik)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Laporan Projek (bilangan/peringkat laporan, dan lain-lain)</li> <li>• <i>Consultant servicing report</i></li> <li>• Artikel penyelidikan/ penerbitan (peringkat penerbitan, eg. Kertas kerja, jurnal akademik, dan sebagainya)</li> </ul>	5%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penyelaras Projek/ Laporan Projek (bilangan/peringkat laporan, dan lain-lain)</li> <li>• <i>Consultant servicing report</i></li> <li>• Editor/Ketua Editor</li> <li>• Artikel penyelidikan/ penerbitan (peringkat penerbitan, eg. Kertas kerja, jurnal akademik, dan sebagainya)</li> </ul>	5%

Bil	Aspek Penilaian	Kriteria Penilaian Ke Gred Q44 dan Q48	Markah (%)	Kriteria Penilaian Ke Gred Q52 dan Q54	Markah (%)
C.	<b>Perundingan dan kepakaran</b> (Aktiviti yang melibatkan penyediaan perkhidmatan perundingan dan kemahiran kepada suatu pihak lain secara berbayar atau tidak berbayar)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelayakan akademik/kursus yang relevan</li> <li>• Kumpulan pakar dalam bidang khusus di jabatan</li> <li>• Khidmat konsultan dalam negeri/luar negeri</li> <li>• Keahlian badan profesional/ilmiah</li> <li>• Pembentangan kertas kerja seminar dalam negeri/luar negeri</li> </ul>	6%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kelayakan akademik/kursus yang relevan</li> <li>• Pakar rujuk bidang khusus yang diiktiraf di peringkat jabatan/negara</li> <li>• Khidmat konsultan dalam negeri/luar negeri</li> <li>• Keahlian badan profesional/ilmiah</li> <li>• <i>Keynote, Plenary session: Pengurus/ pembentang kertas kerja seminar dalam negeri/luar negeri</i></li> </ul>	10%
D.	<b>Sumbangan kepada jabatan/negara</b> (Aktiviti penyelidikan yang dijalankan menyumbang kepada objektif organisasi)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengiktirafan dan anugerah Inovasi/reka cipta di peringkat jabatan/negara/ antarabangsa</li> <li>• Pengurusan/ pentadbiran program penyelidikan</li> </ul>	4%	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengiktirafan dan anugerah Inovasi/reka cipta di peringkat jabatan/negara/ antarabangsa</li> <li>• Pengurusan/ pentadbiran program penyelidikan</li> </ul>	5%
<b>JUMLAH</b>		<b>25%</b>			<b>25%</b>

## LAMPIRAN B

### CADANGAN PEGAWAI PENILAI DAN KEANGGOTAAN PANEL PENILAI BAGI KRITERIA PENILAIAN PENYELIDIKAN

#### A. PEGAWAI PENILAI PEGAWAI PENYELIDIK

Pegawai Penilai Pertama (PPP) dan Pegawai Penilai Kedua (PPK) bagi kriteria Penilaian Penyelidikan Pegawai Penyelidik adalah seperti berikut mengikut kesesuaian:

<u>Kenaikan</u>	<u>PPP</u>	<u>PPK</u>
<u>Pangkat ke Gred</u>		
44 dan 48	Penyelia projek	Ketua Program/Pengarah Bahagian.
52 dan 54	Ketua Program/Penyelaras Projek/ Timbalan Ketua Pengarah	Timbalan Ketua Pengarah/ Ketua Pengarah/ Ketua Jabatan

#### B. PANEL PENILAIAN PEGAWAI PENYELIDIK

Panel Penilaian Pegawai Penyelidik hendaklah ditubuhkan bagi meneliti, menyelaras dan mengesahkan penilaian yang dibuat oleh Pegawai Penilai dengan keanggotaan seperti berikut:

<b>Anggota</b>	<b>Jawatan</b>
i) Ketua Jabatan/Ketua Pengarah	- Pengerusi
ii) Sekurang-kurangnya dua (2) pegawai mengikut bidang kepakaran	- Ahli
iii) Pengurus Sumber Manusia	- Urus setia